

23/02/2001

Tumpuan projek mampu manfaat anggota D8

Mahfar Ali

BARANGKALI masih terlalu awal untuk mengukur pencapaian D8 kerana dalam tempoh kira-kira empat tahun, sudah tentu tidak banyak yang dapat dilakukan dan projek yang dirancang serta sedang dilaksanakan pula pasti memerlukan masa untuk direalisasikan.

Apatah lagi, kumpulan itu yang disertai lapan anggota Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) - Malaysia, Indonesia, Pakistan, Bangladesh, Mesir, Iran, Turki dan Nigeria - ditubuhkan tidak lama sebelum krisis kewangan menggugat ekonomi di rantau Asia. Secara kebetulan, dua anggota D8 - Malaysia dan Indonesia, terbabit dalam krisis berkenaan.

Turki yang menerajui penubuhan D8 pula, ketika itu dilanda krisis politik. Begitu juga dengan beberapa anggota lain yang terpaksa berdepan dengan masalah dalaman di negara masing-masing. Malah, ketua kerajaan di sesetengah negara D8 kini sudahpun bertukar.

Justeru, tidak hairan pada peringkat awal penubuhannya banyak pihak meragui kewibawaan serta keberkesanan D8. Sesetengah diplomat serta pemerhati juga meramalkan kumpulan itu akan menjadi 'Disaster 8' kerana didakwa akan dipolitikkan anggotanya seperti yang dihadapi Pertubuhan Kerjasama Ekonomi (ECO), yang dibentuk beberapa negara OIC sebelum ini untuk meningkatkan kerjasama ekonomi antara Turki, Pakistan dan Iran, kemudian disertai negara Asean.

Namun, ramalan itu ternyata meleset. Sidang kemuncak di Kaherah ini bukan saja menyaksikan kumpulan itu masih kekal tetapi semakin kukuh. Krisis ekonomi dan politik atau pertukaran pemimpin di sesetengah negara D8 sedikit pun tidak menghilangkan sokongan atau menjejaskan kerjasama dan projek yang dirancang kumpulan itu.

Konsep dan asas penubuhan D8 yang menjurus kepada soal ekonomi, perdagangan dan kerjasama pembangunan, juga kekal. Dalam dua deklarasinya yang dikeluarkan di Istanbul, Turki (1997) dan Dhaka, Bangladesh (1999), tidak ada isu dipolitikkan.

Ini selaras dengan prinsip D8 yang mementingkan 'keamanan bukan konflik, dialog bukan konfrontasi, kerjasama bukan eksploitasi, keadilan bukan pertindihan, kesamarataan bukan pilih kasih dan demokrasi bukan penindasan.'

Inilah juga yang membezakan D8 dan OIC. Meskipun semua negara D8 juga menganggotai OIC, kumpulan kecil itu lebih fokus berbanding OIC yang lebih banyak berpolitik dan menghabiskan masa mencari penyelesaian terhadap konflik dan persengketaan di negara Islam.

D8 sebenarnya ditubuhkan hasil persidangan kerjasama Pembangunan D8 pada 22 Oktober 1996 yang diikuti beberapa siri rundingan dan pertemuan dengan pelbagai peringkat. Pada mulanya, kumpulan itu dikenali sebagai M8 (Muslim 8) tetapi diubah kepada D8 berikutan bantahan sesetengah negara.

Mengulas pencapaian D8, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dalam sidang akhbar selepas menghadiri sidang kemuncak kedua kumpulan itu di Dhaka pada 1999, berkata beliau puas hati dengan kemajuan projek yang diputuskan pada sidang kemuncak pertama di Istanbul.

Deklarasi Istanbul antara lain menggariskan lapan projek untuk dilaksanakan negara anggota D8 yang meliputi sektor perdagangan dan industri, komunikasi dan maklumat, kewangan, perbankan dan penswastaan, pembangunan luar bandar, sains dan teknologi serta pertanian dan tenaga.

Setiap anggota kumpulan itu diberi tugas melaksanakan projek yang dipersetujui berdasarkan kemampuan dan kekuatan masing-masing. Turki,

misalnya, dipilih mengetuai projek mengeluarkan pesawat ringan pelbagai guna, terutama untuk kegunaan pertanian selaras kepakaran negara itu dalam bidang aeroangkasa dan penerbangan.

Malaysia yang mempelopori beberapa sistem kewangan dan insurans Islam, pula ditugaskan untuk menyelaras dan mempromosi sistem itu manakala Mesir mengetuai projek dalam sektor perdagangan, Iran (telekomunikasi), Pakistan (pertanian termasuk industri akuakultur), Indonesia (kajian mengenai kemiskinan dan pembangunan tenaga manusia), Bangladesh (kredit mikro) dan Nigeria (tenaga).

Sidang kemuncak di Dhaka pada 1999 pula memperincikan lagi tugas dan pelaksanaan projek yang diputuskan dalam Deklarasi Istanbul. Antaranya, Malaysia diminta menggariskan modus operandi dan formula strategik untuk menggalakkan takaful dan takaful semula.

Deklarasi Dhaka turut menyarankan supaya forum perniagaan diadakan serentak dengan sidang kemuncak D8 selaras peranan sektor swasta dalam menjana pembangunan ekonomi negara.

Forum ini dimulakan pada sidang kemuncak ketiga D8 di Kaherah. Mengikut atur cara sidang kemuncak itu, forum Dewan Perdagangan, Perniagaan dan Perindustrian D8 diadakan selama dua hari pada 22 dan 23 Februari.

Pada sidang kemuncak D8 kali ini, Malaysia diwakili Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi manakala Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar mengetuai mesyuarat peringkat menteri.

Mengulas perkara yang dijangka dibangkitkan di Kaherah, Syed Hamid berkata, sidang itu akan memberi lebih tumpuan kepada orientasi projek yang boleh dimanfaatkan negara anggota serta menyemak apa yang sudah dilakukan sejak mesyuarat yang lepas.

Tuan rumah, Mesir yang mengetuai projek dalam sektor perdagangan pula dikatakan berminat untuk melihat kemungkinan menubuhkan satu syarikat perdagangan di kalangan negara D8.

Pada sidang kali ini, negara D8 juga akan menandatangani perjanjian bagi memudahkan prosedur pengeluaran visa untuk ahli perniagaan. Sekarang ini pun beberapa negara D8 sudah membenarkan kemasukan pelancong tanpa visa tetapi dikatakan cuma membabitkan perjanjian dua hala dan tidak meliputi semua anggota kumpulan itu.

Selain itu, sesetengah negara D8 turut mengadakan penerbangan terus dan ini bukan saja dapat meningkatkan hubungan dagang di kalangan anggota kumpulan itu, malah boleh mengembangkan kegiatan perdagangan, industri dan pertukaran maklumat serta budaya.

Ini penting kerana pada masa ini nilai dagangan di kalangan negara D8 dikatakan masih kecil. Dagangan antara Malaysia dan Iran, misalnya, cuma berjumlah RM763.8 juta dalam tempoh 11 bulan tahun lalu. Eksport Malaysia bernilai RM391.4 juta manakala import RM372.4 juta.

Malah, nilai dagangan di kalangan sesetengah negara D8 lain jauh lebih kecil sedangkan potensi pasaran kumpulan itu cukup besar. Ini kerana semua lapan negara itu bukan saja mewakili kira-kira 800 juta penduduk, malah kaya sumber asli dan tenaga serta mempunyai kepakaran dan kekuatan masing-masing.

Kita yakin sekiranya potensi ini dimanfaatkan sepenuhnya, impian untuk menjadikan kumpulan itu sebagai model kerjasama ekonomi negara Islam dan membangun bukan saja dapat direalisasikan, malah kemakmuran negara D8 akan turut melimpah dan dinikmati bersama negara membangun lain, termasuk dalam OIC yang dianggotai 56 negara.

Dari sini, apakah keanggotaan D8 juga akan diperluaskan menjadi D10 atau D20 dan sebagainya? Seorang pegawai kanan Wisma Putra bagaimanapun menolak kemungkinan perubahan itu akan berlaku dalam tempoh terdekat ini kerana kumpulan itu kini selesa dengan angka lapan. Dengan kata lain, lebih kecil keanggotaannya, lebih mudah kumpulan itu diurus dan sebarang masalah

berbangkit pula dapat diselesaikan dengan cepat serta berkesan.

Namun, Syed Hamid dalam penjelasannya sebelum ini menegaskan D8 ditubuhkan bukan untuk dilihat sebagai kelab eksklusif tetapi menggabung dan menggunakan kekuatan masing-masing bagi menjadikan kumpulan itu pemangkin OIC serta negara membangun lain, terutama dalam menghadapi cabaran era globalisasi alaf baru ini.

(END)